

INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION, PSYCHOLOGY AND COUNSELLING (IJEPC)

www.ijepec.com



HUBUNGAN DI ANTARA KONSEP KENDIRI, SOKONGAN IBU BAPA DAN PENCAPAIAN AKADEMIK DALAM KALANGAN PELAJAR KOLEJ VOKASIONAL

THE RELATIONSHIP BETWEEN SELF-CONCEPT, PARENTAL SUPPORT AND ACADEMIC ACHIEVEMENT AMONG VOCATIONAL COLLEGE STUDENTS

Mohamad Shamim Mohd Shukri^{1*}, Nor Hasnida Che Md Ghazali²

¹ Faculty of Human Development, Sultan Idris Education University, Perak, Malaysia

Email: m20231000224@siswa.upsi.edu.my

² Department of Educational Studies, Sultan Idris Education University, Perak, Malaysia

Email: hasnida@fpm.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 25.07.2025

Revised date: 18.08.2015

Accepted date: 15.09.2025

Published date: 08.10.2025

To cite this document:

Shukri, M. S. M., & Ghazali, N. H. C. M. (2025). Hubungan Di Antara Konsep Kendiri, Sokongan Ibu Bapa Dan Pencapaian Akademik Dalam Kalangan Pelajar Kolej Vokasional. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (60), 281-297.

DOI: 10.35631/IJEPC.1060019

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap konsep kendiri, sokongan ibu bapa dan pencapaian akademik serta meneliti hubungan antara ketiga-tiga pemboleh ubah tersebut dalam kalangan pelajar Program Seni Kulinari di Kolej Vokasional Langkawi, Kedah. Objektif adalah menilai perbezaan pencapaian akademik berdasarkan jantina dan kelas. Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan kuantitatif dengan instrumen soal selidik berskala Likert lima mata. Seramai 86 orang pelajar dipilih melalui kaedah pensampelan rawak mudah daripada populasi seramai 105 pelajar. Nilai kebolehpercayaan Cronbach's Alpha bagi konstruk konsep kendiri ialah .907, sokongan ibu bapa .907 dan pencapaian akademik .904, kesemuanya dikategorikan sangat tinggi. Data dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 29.0.2.0 melalui statistik deskriptif dan inferensi termasuk korelasi Spearman dan ujian-t. Dapatan menunjukkan terdapat hubungan sederhana positif yang signifikan antara konsep kendiri dan sokongan ibu bapa dengan nilai $r = .528$ dan nilai $p < .001$, serta antara konsep kendiri dan pencapaian akademik dengan nilai $r = .579$ dan nilai $p < .001$. Terdapat juga hubungan lemah tetapi signifikan antara sokongan ibu bapa dan pencapaian akademik dengan nilai $r = .279$ dan nilai $p = .009$. Ujian-t pula menunjukkan perbezaan signifikan kecil dalam pencapaian akademik berdasarkan jantina dengan nilai $p = .050$ bagi satu SVM dan perbezaan signifikan berdasarkan kelas dengan nilai $p = .001$. Kesimpulannya, konsep kendiri dan sokongan ibu bapa memainkan peranan penting dalam menentukan pencapaian pelajar. Implikasi kajian menyarankan agar intervensi pendidikan yang berstruktur

digiatkan bagi membina konsep sendiri pelajar dan memperkukuh penglibatan ibu bapa dalam pendidikan vokasional.

Kata Kunci:

Konsep Kendiri, Sokongan Ibu Bapa, Pencapaian Akademik, Pendidikan Vokasional, Pelajar Kolej Vokasional

Abstract:

This study aims to identify the level of self-concept, parental support and academic achievement and examine the relationship between the three variables among students of the Culinary Arts Program at Langkawi Vocational College, Kedah. The objective is to assess differences in academic achievement based on gender and class. This study uses a quantitative survey design with a five-point Likert scale questionnaire instrument. A total of 86 students were selected through simple random sampling from a population of 105 students. The Cronbach's Alpha reliability value for the construct of self-concept was .907, parental support .907 and academic achievement .904, all categorized as very high. Data were analysed using Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) software version 29.0.2.0 through descriptive and inferential statistics including Spearman correlation and t-test. The findings showed that there was a significant positive moderate relationship between self-concept and parental support with a value of $r = .528$ and a p value $< .001$, as well as between self-concept and academic achievement with a value of $r = .579$ and a p value $< .001$. There was also a weak but significant relationship between parental support and academic achievement with a value of $r = .279$ and a p value $= .009$. The t-test also showed a small significant difference in academic achievement based on gender with a p value $= .050$ for one SVM and a significant difference based on class with a p value $= .001$. In conclusion, self-concept and parental support play an important role in determining student achievement. The implications of the study suggest that structured educational interventions should be intensified to build students' self-concept and strengthen parental involvement in vocational education.

Keywords:

Self -Concept, Parental Support, Academic Achievement, Vocational Education, Vocational College Students

Pengenalan

Kemajuan akademik merupakan penanda aras utama dalam menentukan tahap kecemerlangan pelajar, terutamanya dalam mengukur penguasaan kemahiran teknikal dan akademik secara menyeluruh. Matlamat utama pencapaian ini adalah untuk melahirkan graduan Kolej Vokasional (KV) yang berkemahiran tinggi serta memiliki daya saing dalam pasaran kerja (Kaliappan & Abdul Jalil, 2023). Keupayaan intelek pelajar memainkan peranan penting dalam menyerap, memahami dan mengaplikasikan pengetahuan secara efektif, yang seterusnya menyumbang kepada keberkesanan sistem pendidikan negara (UPSI, 2023). Namun begitu, prestasi pelajar tidak hanya dipengaruhi oleh pembelajaran formal semata-mata, bahkan turut melibatkan faktor psikososial seperti konsep diri dan sokongan daripada ibu bapa. Konsep diri berkait rapat dengan keyakinan diri, emosi dan penilaian terhadap kebolehan sendiri.

Pelajar yang memiliki konsep sendiri yang positif biasanya lebih tekad dalam usaha mereka untuk mencapai matlamat dan menghadapi cabaran pembelajaran dengan lebih berinisiatif (Sadiq & Hassan, 2021). Dorongan daripada ibu bapa turut memainkan peranan signifikan, merangkumi sokongan emosi, galakan moral serta bentuk penghargaan yang membantu memperkukuh motivasi pelajar (Michael, 2023). Dalam konteks Program Seni Kulinari di Kolej Vokasional (KV), pelajar bukan sahaja memerlukan kemahiran praktikal, tetapi juga kestabilan emosi dan motivasi yang berterusan. Menurut Goodman dan James (2017), penyertaan aktif dalam aktiviti kokurikulum juga berupaya memupuk keupayaan bersaing secara holistik. Oleh itu, kajian yang meneliti hubungan antara konsep sendiri, dorongan ibu bapa dan pencapaian akademik adalah penting bagi membina pelajar yang seimbang dari segi emosi, intelek dan sosial.

Penyataan Masalah

Konsep sendiri positif merupakan elemen penting dalam membantu pelajar mengatasi cabaran pembelajaran dengan yakin dan berkesan. Individu yang mempunyai keyakinan diri tinggi biasanya dapat merangka matlamat yang jelas serta berusaha secara konsisten ke arah pencapaian tersebut. Sebaliknya, kekurangan keyakinan diri sering dikaitkan dengan kurangnya dorongan dalaman dan pencapaian akademik yang rendah (Sadiq & Hassan, 2021). Meskipun sistem pendidikan vokasional telah ditambah baik dari segi kurikulum dan pentaksiran, terdapat pelajar yang masih gagal mengekalkan prestasi akademik secara konsisten. Sokongan daripada ibu bapa juga memainkan peranan penting. Kekurangan dorongan moral dan emosi dari keluarga boleh melemahkan motivasi dan prestasi pelajar. Oleh itu, sokongan berterusan sangat penting, terutama dalam konteks Kolej Vokasional (KV), di mana prestasi pelajar perlu dipantau secara berterusan bagi memastikan keseimbangan pencapaian setiap semester.

Bagi pelajar Program Seni Kulinari yang terlibat dalam pembelajaran berasaskan amali, ketekunan, kreativiti, dan keyakinan adalah tunjang kejayaan. Namun, tumpuan kajian masih banyak terarah kepada pelajar akademik perdana, manakala faktor psikososial dalam kalangan pelajar vokasional masih kurang diberi perhatian. Jurang ini menunjukkan keperluan untuk kajian yang lebih menyeluruh (Basith, Rahman & Moseki, 2021). Tambahan pula, penangguhan tugas akademik dan kurangnya pengurusan masa turut menyumbang kepada prestasi lemah (Rahman & Idham, 2021). Dorongan berterusan daripada ibu bapa terbukti dapat merangsang motivasi dan membentuk semangat pelajar untuk terus maju (Utami, 2022). Dalam konteks pendidikan vokasional, aspek seperti motivasi, kawalan sendiri, dan sokongan keluarga amat penting dalam membentuk kejayaan pelajar.

Kajian lanjut perlu dilaksanakan bagi memahami sepenuhnya bagaimana faktor-faktor ini mempengaruhi pencapaian pelajar dalam bidang kemahiran khusus seperti Seni Kulinari, yang masih belum banyak diterokai secara mendalam.

Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meneliti hubungan antara konsep sendiri, sokongan ibu bapa dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Kolej Vokasional (KV) yang mengikuti Program Seni Kulinari. Penyelidikan ini memfokuskan kepada pengaruh faktor dalaman seperti tahap konsep sendiri dan sokongan emosi terhadap pencapaian pelajar dalam konteks pembelajaran berasaskan kemahiran. Selain itu, kajian ini turut menganalisis bagaimana faktor-faktor tersebut berinteraksi serta mengkaji perbezaan berdasarkan ciri demografi seperti jantina dan kategori kelas. Dapatan daripada kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran yang

komprehensif bagi menyokong usaha meningkatkan sokongan emosi, memupuk motivasi serta memperkukuh prestasi akademik pelajar dalam bidang vokasional.

Objektif Kajian

Objektif dirancang untuk memastikan sasaran penyelidikan dapat dicapai sepenuhnya seperti berikut:

1. Mengenal pasti tahap konsep sendiri dalam kalangan pelajar Kolej Vokasional.
2. Mengenal pasti tahap sokongan ibu bapa dalam kalangan pelajar Kolej Vokasional.
3. Mengenal pasti tahap pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Kolej Vokasional.
4. Mengenal pasti hubungan di antara konsep sendiri dan sokongan ibu bapa dalam kalangan pelajar Kolej Vokasional.
5. Mengenal pasti hubungan di antara konsep sendiri dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Kolej Vokasional.
6. Mengenal pasti hubungan di antara sokongan ibu bapa dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Kolej Vokasional.
7. Mengenal pasti perbezaan pencapaian akademik berdasarkan jantina bagi pelajar Kolej Vokasional.
8. Mengenal pasti perbezaan pencapaian akademik berdasarkan kelas bagi pelajar Kolej Vokasional.

Hipotesis Kajian

Hipotesis nol (H_0) seperti berikut:

1. H_0 : Tiada hubungan yang signifikan antara konsep sendiri dan sokongan ibu bapa dalam kalangan pelajar Kolej Vokasional.
2. H_0 : Tiada hubungan yang signifikan antara konsep sendiri dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Kolej Vokasional.
3. H_0 : Tiada hubungan yang signifikan antara sokongan ibu bapa dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Kolej Vokasional.
4. H_0 : Tiada perbezaan yang signifikan bagi pencapaian akademik berdasarkan jantina bagi pelajar Kolej Vokasional.
5. H_0 : Tiada perbezaan yang signifikan bagi pencapaian akademik berdasarkan kelas bagi pelajar Kolej Vokasional.

Hipotesis nol (H_1) seperti berikut:


1. H_1 : Terdapat hubungan yang signifikan antara konsep sendiri dan sokongan ibu bapa dalam kalangan pelajar Kolej Vokasional.
2. H_1 : Terdapat hubungan yang signifikan antara konsep sendiri dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Kolej Vokasional.
3. H_1 : Terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan ibu bapa dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Kolej Vokasional.
4. H_1 : Terdapat perbezaan yang signifikan bagi pencapaian akademik berdasarkan jantina bagi kalangan pelajar Kolej Vokasional.
5. H_1 : Terdapat perbezaan yang signifikan bagi pencapaian akademik berdasarkan kelas bagi kalangan pelajar Kolej Vokasional.

Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka kajian ini dibangunkan bagi menilai hubungan antara setiap konstruk utama yang dikaji secara sistematik dan terperinci melalui perwakilan dalam bentuk rajah. Tiga konstruk utama telah dikenal pasti iaitu konsep sendiri individu, peranan ibu bapa dalam memberikan

sokongan emosi, serta tahap pencapaian akademik pelajar. Hubungan antara konsep sendiri dan sokongan keluarga dianggap sebagai pemboleh ubah bebas yang berperanan penting dalam mempengaruhi tahap pencapaian akademik, yang berfungsi sebagai pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini. Kerangka ini disokong oleh penemuan daripada kajian-kajian lepas yang menunjukkan wujudnya hubungan yang signifikan antara kefahaman terhadap sendiri, sokongan emosi, dan prestasi akademik. Pemilihan konstruk ini adalah berdasarkan kepada bukti empirik yang memperkukuh asas teori yang digunakan dalam kajian.

Di samping itu, kajian ini turut mengambil kira pengaruh pemboleh ubah moderator, iaitu faktor demografi seperti jantina dan kategori kelas pelajar. Pemboleh ubah moderator ini dilihat sebagai penentu kepada tahap kekuatan atau variasi hubungan antara konstruk yang dikaji, sekali gus memberi gambaran lebih terperinci tentang dinamik yang wujud dalam kalangan pelajar Program Seni Kulinari di Kolej Vokasional (KV). Rajah 1 menunjukkan kerangka konseptual kajian.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian

Tinjauan Literatur

Kajian ini disokong oleh pelbagai teori psikologi dan pendidikan yang menekankan kepentingan konsep sendiri, sokongan ibu bapa dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar vokasional, khususnya dalam bidang kemahiran seperti Program Seni Kulinari. Konsep sendiri, menurut Rogers (1951) terbentuk melalui pengalaman sosial dan interaksi persekitaran yang kemudiannya membina keyakinan dan motivasi individu. Rogers menekankan tiga komponen penting iaitu imej sendiri, harga diri dan sendiri ideal yang kesemuanya saling mempengaruhi cara pelajar bertindak balas terhadap cabaran pembelajaran. Sokongan sosial yang diterima daripada ibu bapa dan guru turut memainkan peranan penting dalam proses ini. Teori Maslow (1970) turut menyokong kepentingan konsep sendiri melalui hirarki keperluan, di mana keperluan kepada penghargaan dan pencapaian sendiri menjadi asas kepada pembangunan potensi individu.

Dalam konteks pendidikan, keperluan ini dapat memperkukuh motivasi dan fokus pelajar terhadap pembelajaran. Beberapa kajian lepas (Michael, 2023; Goodman & James, 2017; Utami, 2022) menunjukkan bahawa bentuk sokongan seperti dorongan moral, pujian terhadap usaha dan keterlibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran menyumbang kepada perkembangan emosi dan pencapaian akademik pelajar secara menyeluruh. Pencapaian akademik dalam sistem vokasional merangkumi bukan sahaja prestasi dalam ujian teori, tetapi juga penilaian kemahiran teknikal dan amali. Kajian oleh Kaliappan dan Abdul Jalil (2023), Basith et al. (2021) serta Yahya (2010) menunjukkan bahawa efikasi sendiri, suasana pembelajaran yang menyokong dan pengaruh keluarga merupakan antara faktor utama yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam bidang vokasional.

Penjelasan tentang hubungan antara faktor-faktor ini dapat dirujuk melalui Model Proses Pendidikan oleh Bryant (1974), yang membahagikan komponen pendidikan kepada input melalui latar belakang pelajar, sokongan sosial dan konsep sendiri, manakala proses melalui penglibatan pelajar dalam pembelajaran dan output melalui pencapaian akademik. Selain itu, Teori Ekologi Bronfenbrenner juga menjelaskan bagaimana persekitaran sosial seperti keluarga dan sekolah berinteraksi secara langsung dalam mempengaruhi perkembangan psikososial pelajar. Kedua-dua teori ini menjadi asas kepada kerangka kajian yang dibentuk. Berdasarkan dapatan daripada kajian lepas dan hujahan teori, adalah jelas bahawa terdapat hubungan yang signifikan dan saling mempengaruhi antara konsep sendiri, sokongan ibu bapa dan pencapaian akademik pelajar.

Namun begitu, kajian-kajian yang menggabungkan ketiga-tiga konstruk ini dalam konteks pendidikan vokasional, khususnya dalam bidang kemahiran seperti Seni Kulinari, masih terhad. Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengisi jurang tersebut dengan mengkaji hubungan antara konsep sendiri, sokongan ibu bapa dan pencapaian akademik pelajar Kolej Vokasional secara lebih terperinci.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kajian korelasi dan perbandingan untuk meneroka hubungan antara konsep sendiri, sokongan ibu bapa dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Program Seni Kulinari di Kolej Vokasional Langkawi, Kedah. Reka bentuk korelasi digunakan untuk mengkaji kekuatan dan arah hubungan antara pemboleh ubah konsep sendiri, sokongan ibu bapa dan pencapaian akademik, manakala reka bentuk perbandingan digunakan untuk menilai perbezaan pencapaian akademik berdasarkan faktor jantina dan kelas pelajar. Lokasi kajian dipilih berdasarkan kesesuaian program yang ditawarkan dan sokongan pentadbiran bagi tujuan pengumpulan data. Populasi kajian terdiri daripada 105 orang pelajar, dan seramai 86 orang dipilih sebagai sampel kajian menggunakan kaedah pensampelan rawak mudah dan pensampelan bertujuan untuk memastikan keterwakilan pelajar mengikut jantina dan kelas.

Instrumen kajian berbentuk soal selidik berstruktur yang dibina berdasarkan adaptasi instrumen terdahulu dan disesuaikan mengikut konteks pendidikan vokasional. Soal selidik terdiri daripada empat bahagian iaitu maklumat demografi yang merangkumi jantina, bangsa dan kelas, konsep sendiri merangkumi 10 item, sokongan ibu bapa merangkumi 6 item dan pencapaian akademik merangkumi 11 item. Kesemua item menggunakan skala Likert lima mata. Kesahan kandungan instrumen disemak oleh 5 orang pakar dalam bidang psikologi pendidikan, vokasional dan linguistik. Seterusnya, kajian rintis ke atas 50 pelajar dijalankan bagi memastikan kefahaman item dan kebolehpercayaan dalam konteks pelajar Kolej Vokasional. Analisis data dilaksanakan menggunakan perisian SPSS versi 29.0.2.0, melibatkan statistik deskriptif iaitu min dan sisihan piawai, analisis korelasi Spearman bagi menguji hubungan antara pemboleh ubah serta ujian-t dan ANOVA satu hala untuk menguji perbezaan pencapaian akademik berdasarkan kumpulan. Reka bentuk ini dipilih kerana ia sesuai dengan objektif kajian yang ingin mengenal pasti hubungan antara pemboleh ubah psikososial dengan pencapaian akademik dan pada masa sama menganalisis perbezaan berdasarkan ciri demografi pelajar.

Dapatan Kajian

Dapatan awal kajian yang melibatkan analisis statistik deskriptif terhadap data yang diperoleh Bahagian ini menunjukkan hasil analisis data yang diperoleh melalui soal selidik terhadap pelajar Program Seni Kulinari di Kolej Vokasional Langkawi.

Demografi Responden

Dapatan awal kajian yang melibatkan analisis statistik deskriptif terhadap data yang diperoleh Bahagian ini menunjukkan hasil analisis data yang diperoleh melalui soal selidik terhadap pelajar Program Seni Kulinari di Kolej Vokasional Langkawi. Jadual 1 menunjukkan taburan responden berdasarkan jantina, bangsa dan kelas. Daripada 86 pelajar, 54.7% adalah lelaki dan 45.3% perempuan, menunjukkan sedikit dominasi oleh pelajar lelaki. Dari segi kaum, 96.5% responden berbangsa Melayu, manakala selebihnya berbangsa Cina 3.5%, tanpa penyertaan kaum India atau etnik yang lain. Bagi kategori kelas, bilangan tertinggi datang dari kelas tahun 2 SVM 29.1%, diikuti kelas tahun 1 SVM 27.9%, tahun 1 DVM 25.6%, dan tahun 2 DVM 17.4%. Taburan ini menggambarkan penyertaan yang agak seimbang dari pelbagai peringkat pengajian, namun majoriti responden terdiri daripada pelajar Melayu. Maklumat ini memberikan konteks awal yang penting untuk analisis hubungan antara pemboleh ubah dalam kajian ini.

Jadual 1: Taburan Responden Mengikut Maklumat Demografi

Demografi		Frekuensi (n)	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	47	54.7
	Perempuan	39	45.3
Bangsa	Melayu	83	96.5
	Cina	3	3.5
	India	-	-
	Lain-Lain	-	-
Kelas	1 SVM	24	27.9
	2 SVM	25	29.1
	1 DVM	22	25.6
	2 DVM	15	17.4

Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Jadual 2 menunjukkan bahawa kesemua bahagian dalam instrumen kajian mempunyai tahap kebolehpercayaan yang sangat tinggi, dengan nilai Cronbach's Alpha melebihi 0.9. Bahagian pertama konsep sendiri mencatatkan nilai .907, bahagian kedua sokongan ibu bapa juga .907, dan bahagian ketiga pencapaian akademik .904. Nilai-nilai ini membuktikan bahawa item-item dalam soal selidik adalah konsisten secara dalaman dan boleh dipercayai untuk mengukur pemboleh ubah yang dikaji.

Jadual 2: Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Bil	Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
1.	.907	.912	10
2.	.907	.912	6
3.	.904	.909	11

Tahap Konsep Kendiri

Jadual 3 menunjukkan bahawa pelajar memiliki tahap konsep kendiri yang cemerlang dengan nilai min 43.21 dan sisihan piawai 3.39. Ini mencerminkan keyakinan diri yang tinggi, persepsi positif terhadap kebolehan, serta kesediaan pelajar menghadapi cabaran pembelajaran. Walaupun terdapat sedikit variasi dalam maklum balas, dapatan ini menunjukkan asas psikologi pelajar yang kukuh, yang berpotensi menyumbang kepada prestasi akademik mereka.

Jadual 3: Nilai Min Dan Sisihan Piawai Konsep Kendiri

Pemboleh Ubah	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Konsep Kendiri	43.21	3.39	Cemerlang

Tahap Sokongan Ibu Bapa

Jadual 4 menunjukkan tahap sokongan ibu bapa berada pada tahap sederhana dengan nilai min 26.05 dan sisihan piawai 2.61. Ini mencerminkan bahawa sokongan yang diterima pelajar sama ada dari segi moral, material atau penglibatan ibu bapa masih belum konsisten sepenuhnya. Kepelbagaian respons menunjukkan wujud perbezaan dalam pengalaman pelajar, berkemungkinan dipengaruhi oleh latar belakang keluarga dan gaya keibubapaan. Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan ruang penambahbaikan dalam penglibatan ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak.

Jadual 4: Nilai Min Dan Sisihan Piawai Sokongan Ibu Bapa

Pemboleh Ubah	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Sokongan Ibu Bapa	26.05	2.61	Sederhana

Tahap Pencapaian Akademik Pelajar

Jadual 5 menunjukkan bahawa pencapaian akademik pelajar berada pada tahap cemerlang dengan nilai min 46.05 dan sisihan piawai 4.25. Ini mencerminkan pelajar secara umum menunjukkan prestasi yang tinggi, namun wujud kepelbagaian ketara dalam kalangan mereka. Jurang pencapaian ini menunjukkan keperluan kepada sokongan tambahan bagi membantu pelajar yang masih ketinggalan agar dapat mencapai tahap yang lebih setara.

Jadual 5: Nilai Min Dan Sisihan Piawai Pencapaian Akademik Pelajar

Pemboleh Ubah	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Pencapaian Akademik	46.05	4.25	Cemerlang

Hubungan Di Antara Konsep Kendiri Dan Sokongan Ibu Bapa Dalam Kalangan Pelajar Kolej Vokasional

Jadual 6 menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara konsep kendiri dan sokongan ibu bapa dalam kalangan pelajar Kolej Vokasional $r = .528$, $p < .001$. Analisis menggunakan korelasi Spearman's rho kerana data tidak normal. Hubungan ini berada pada tahap sederhana positif, menunjukkan bahawa pelajar yang menerima sokongan ibu bapa yang lebih tinggi cenderung memiliki konsep kendiri yang lebih baik. Dapatan ini mengukuhkan peranan penting ibu bapa dalam membentuk keyakinan diri dan perkembangan psikososial pelajar.

Jadual 6: Korelasi Antara Konsep Kendiri Dan Sokongan Ibu Bapa

Pemboleh Ubah	Pemboleh Ubah	N	Nilai r	Nilai p	Tahap Hubungan	Signifikan
Konsep Kendiri	Sokongan Ibu Bapa	86	.528	< .001	Sederhana Positif	$p < .01$
Keputusan	Korelasi Spearman's rho digunakan kerana data tidak mengikut taburan normal. $p < .001$ menunjukkan bahawa hubungan ini adalah amat signifikan.					

Hubungan Di Antara Konsep Kendiri Dan Pencapaian Akademik Dalam Kalangan Pelajar Kolej Vokasional

Jadual 7 menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dan pencapaian akademik pelajar, berdasarkan analisis Spearman's rho $r = .579$, $p < .001$. Hubungan ini berada pada tahap sederhana positif, yang bermaksud pelajar dengan konsep kendiri yang lebih tinggi cenderung mencapai keputusan akademik yang lebih baik. Dapatan ini menyokong pandangan bahawa keyakinan diri dan persepsi positif terhadap kebolehan diri memainkan peranan penting dalam kejayaan pembelajaran. Oleh itu, memperkukuh konsep kendiri boleh menjadi antara strategi untuk meningkatkan pencapaian pelajar, khususnya dalam konteks pendidikan vokasional.

Jadual 7: Korelasi Antara Konsep Kendiri Dan Pencapaian Akademik Pelajar

Pemboleh Ubah	Pemboleh Ubah	N	Nilai r	Nilai p	Tahap Hubungan	Signifikan
Konsep Kendiri	Pencapaian Akademik Pelajar	86	.579	< .001	Sederhana Positif	$p < .01$
Keputusan	Korelasi Spearman's rho digunakan kerana data tidak mengikut taburan normal. $p < .001$ menunjukkan bahawa hubungan ini adalah amat signifikan.					

Hubungan Di Antara Sokongan Ibu Bapa Dan Pencapaian Akademik Dalam Kalangan Pelajar Kolej Vokasional

Jadual 8 menunjukkan keputusan analisis korelasi Spearman's rho antara sokongan ibu bapa dan pencapaian akademik pelajar. Hasil analisis menunjukkan nilai $r = .279$ dengan $p = .009$, yang menunjukkan hubungan lemah tetapi signifikan secara positif pada aras keertian $p < .01$. Ini bermakna semakin tinggi tahap sokongan ibu bapa yang diterima oleh pelajar, semakin tinggi kecenderungan pelajar untuk mencapai prestasi akademik yang lebih baik, walaupun hubungan tersebut tidak terlalu kuat. Keputusan ini menunjukkan bahawa peranan ibu bapa masih mempunyai pengaruh terhadap kejayaan pelajar, namun mungkin terdapat faktor-faktor lain yang turut menyumbang dengan lebih besar terhadap pencapaian akademik pelajar.

Jadual 8: Korelasi Antara Sokongan Ibu Bapa Dan Pencapaian Akademik Pelajar

Pemboleh Ubah	Pemboleh Ubah	N	Nilai r	Nilai p	Tahap Hubungan	Signifikan
Sokongan Ibu Bapa	Pencapaian Akademik Pelajar	86	.279	< .009	Lemah Positif	$p < .01$
Keputusan	Korelasi Spearman's rho digunakan kerana data tidak mengikut taburan normal. $p = .009$ menunjukkan bahawa hubungan ini adalah signifikan.					

Perbezaan Bagi Pencapaian Akademik Berdasarkan Jantina Bagi Pelajar Kolej Vokasional

